

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: ANALISIS PENYALAHGUNAAN DADAH DI

KOTA KINABALU

SAINS

IJAZAH: SARJANA MUDA (MATEMATIK DENGAN EKONOMI)

SAYA MAZLIANA BINTI MAHTAR
(HURUF BESAR)

SESI PENGAJIAN: 2003

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai medium pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: KAMPUNG CHE LONG,
BANDAR PERMAISURI, 22100
SETIA TERENGGANU

PROF. MADYA DR AMRAN AHMED

Nama Penyelia

Tarikh: 24 NOVEMBER 2006

Tarikh: 24 NOVEMBER 2006

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajaran secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PERPUSTAKAAN UMS



1400014090



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ANALISIS PENYALAHGUNAAN DADAH DI KOTA KINABALU

MAZLIANA BINTI MAHTAR

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS DENGAN KEPUJIAN**

**PROGRAM MATEMATIK DENGAN EKONOMI
SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

NOV 2006




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

30 Oktober 2006



(MAZLINA BINTI MAHTAR)

HS 2003-3093



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA
SABAH


UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DIPERAKUKAN OLEH

1. PENYELIA


Tandatangan

PROFESOR MADYA DR. AMRAN AHMED




2. PEMERIKSA 1

DR. AINI JANTENG

PENPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


3. PEMERIKSA 2

RAJASEGERAN RAMASAMY



4. DEKAN

SUPT. (K) PROF. MADYA DR. SHARIFF A.K. OMANG)

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah akhirnya saya dapat juga menyiapkan disertasi saya pada masa yang ditetapkan.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr Amran Ahmed yang memberi pelbagai tunjuk ajar dan panduan kepada saya untuk menyiapkan disertasi ini. Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Puan Noraini Abdullah yang juga turut membantu saya dalam menyiapkan disertasi ini.

Selain itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Agensi Antidadah Kebangsaan Kota Kinabalu kerana memberikan kerjasama untuk saya menjayakan menjayakan disertasi ini. Tidak dilupakan kepada rakan-rakan saya iaitu Zainudin, Zaituliza, Parvita, Dila dan Su kerana banyak membantu saya dalam memberi tunjuk ajar, memberi maklumat dan mengumpul data bagi disertasi ini.

Buat ibu dan ayah saya yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dalam pelajaran dan memberikan dorongan serta semangat yang tidak terhingga.

Sekian, terima kasih.

MAZLIANA BINTI MAHTAR

HS 2003-3093

NOV 2006

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji sejauhmana penyalahgunaan dadah dipengaruhi oleh beberapa faktor yang berkait hasil daripada rekod Agensi Antidadah Kebangsaan Kota Kinabalu. Sampel kajian adalah para penagih dadah yang berada di sekitar Kota Kinabalu. Seramai 154 orang responden telah dipilih. Antara pembolehubah-pembolehubah yang terlibat dalam kajian ini adalah umur, etnik, tahap pendidikan, status perkahwinan, jantina, status pekerjaan dan sebab penyalahgunaan dadah. Analisis khi-kuasa digunakan untuk menguji pertalian masing-masing di antara sebab-sebab penyalahgunaan dadah mengikut faktor umur, jantina, status perkahwinan, jenis pekerjaan, etnik dan tahap pendidikan penagih. Darjah hubungan antara sebab-sebab penyalahgunaan dadah dengan umur, jantina, status perkahwinan, jenis pekerjaan, etnik dan tahap pendidikan penagih juga di kaji dalam kajian ini dengan kaedah analisis korelasi Spearman. Hasil analisis khi-kuasa dua mendapat terdapat hubungan antara sebab-sebab penyalahgunaan dadah dengan pembolehubah etnik ($p=0.035$) dengan kekuatan hubungan pada $\Phi = 0.413$, tahap pendidikan ($p=0.002$) dengan kekuatan hubungan pada $\Phi = 0.261$, status perkahwinan ($p=0.001$) dengan kekuatan hubungan pada $\Phi = 0.398$ dan jantina penagih ($p=0.015$) kekuatan hubungan pada $\Phi = 0.261$. Analisis korelasi Spearman pula menunjukkan wujud hubungan positif yang lemah antara sebab-sebab penyalahgunaan dadah dengan pembolehubah jantina ($p=0.012$) dan status perkahwinan ($p=0.002$) dan mempunyai hubungan negatif yang lemah dengan taraf pendidikan ($p=-0.238$).

ANALYSIS OF DRUG ABUSE IN KOTA KINABALU

ABSTRACT

The objective of this study was to evaluate the factors affecting the drug abuser in Kota Kinabalu. Respondent consist of 154 drug abuser were taken from Agensi Antidadah Kebangsaan Kota Kinabalu records. The variables considered are age, ethnicity, education level, marital status, gender, type of jobs and the cause of drug abuse. Chi-square analysis was used to analyze the relationship between the cause of drug abuse matched by age, ethnicity, education, type of jobs, marital status and gender. Spearman correlation test was used to show whether there's linear relationship between these variables. The result showed that the respondent's reason in taking drug associated with ethnicity ($p=0.035$) with $\Phi = 0.413$, education ($p=0.002$) with $\Phi = 0.261$, marital status ($p=0.001$) with $\Phi = 0.398$ and gender ($p=0.015$) with $\Phi = 0.261$. While the Spearman correlation analysis, showed the presence of weak positive relationship between respondent's reason in taking drug with education level ($p=0.012$) and gender ($p=0.002$) and a weak negative relationship with marital status ($p=-0.238$).

BANTUAN PENGETAHUAN SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SIMBOL	xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan Penyalahgunaan Dadah	1
1.2 Definisi Dadah	2
1.3 Agensi Antidadah Kebangsaan	3
1.3.1 Sistem Matlumat Dadah Kebangsaan (NADI)	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Skop Kajian	6



BAB 2 ULASAN PERPUSTAKAAN

2.1 Kajian Lampau	7
2.1.1 Jenis-jenis Dadah	7
2.1.2 Kesan-kesan Penyalahgunaan Dadah	9
2.1.3 Statistik Penyalahgunaan Dadah Di Malaysia	11
2.1.4 Tingkahlaku Remaja Terhadap HIV Dan Penyalahgunaan Dadah	14
2.1.5 Penyalahgunaan Dadah Dari Segi Geografi	16
2.1.6 Penggunaan Ekstasi Di Kalangan Pelajar Kolej	18
2.1.7 Perbandingan Faktor Keluarga	19
2.1.8 Bentuk Badan dan Penyalahgunaan Dadah	20

BAB 3 KAEDAH KAJIAN

3.1 Pengenalan	22
3.2 Data Kajian	22
3.3 Pengelasan Pembolehubah	23
3.4 Kaedah Analisis	24
3.4.1 Statistik Berperihalan	24
3.4.2 Ujian Khi-Kuasa Dua	25
3.4.3 Analisis Korelasi	32



BAB 4 ANALISIS DAN KEPUTUSAN

4.1 Pengenalan	36
4.2 Pengolahan Data	37
4.3 Statistik Berperihalan	40
4.4 Analisis Khi Kuasa Dua	46
4.4.1 Sebab Penyalahgunaan Dadah Dengan Umur	46
4.4.2 Sebab Penyalahgunaan Dadah Dengan Etnik	46
4.4.3 Sebab Penyalahgunaan Dadah Dengan Status Perkahwinan	47
4.4.4 Sebab Penyalahgunaan Dadah Dengan Jantina	49
4.4.5 Sebab Penyalahgunaan Dadah Dengan Tahap Pendidikan	50
4.4.6 Sebab Penyalahgunaan Dadah Dengan Jenis Pekerjaan	51
4.4.7 Ringkasan analisis khi kuasadua	52
4.5 Korelasi	53
4.5.1 Hubungan Antara Sebab Penyalahgunaan Dadah Dengan Jantina	53
4.5.2 Hubungan Antara Sebab Penyalahgunaan Dadah Dengan Status Perkahwinan	54
4.5.3 Hubungan Antara Sebab Penyalahgunaan Dadah Dengan Tahap Pendidikan	55



STAMBIHAT
BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Perbincangan	57
5.2 Kesimpulan	60
5.3 Cadangan	60
5.3.1 Kajian Masa Depan	61
5.3.2 Langkah-langkah Untuk Mengatasi Penyalahgunaan Dadah	61
RUJUKAN	64
LAMPIRAN A	68
LAMPIRAN B	76
LAMPIRAN C	77
4.1 Jumlah silang sebab penyalahgunaan dadah dengan jantina	49
4.2 Jumlah silang sebab penyalahgunaan dadah dengan tingkat populasi	50
4.3 Jumlah silang sebab penyalahgunaan dadah dengan jenis pekerjaan	51
4.4 Ringkasan Kepulusan analisa	52
4.5 Korelasi antara sebab penyalahgunaan dadah dengan jantina	53
4.6 Korelasi antara sebab penyalahgunaan dadah dengan status perkahwinan	55
4.7 Korelasi antara sebab penyalahgunaan dadah dengan usia perwakilan	56



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Pecahan penagih mengikut bangsa	11
2.2 Pecahan penagih mengikut umur	12
2.3 Pecahan penagih mengikut jenis pekerjaan	13
2.4 Pecahan penagih mengikut kelulusan	14
4.1 Kategori pembolehubah yang terlibat	39
4.2 Taburan para penagih di Kota Kinabalu mengikut jantina	44
4.3 Taburan para penagih di Kota Kinabalu mengikut tahap pendidikan	44
4.4 Taburan para penagih di Kota Kinabalu mengikut jenis pekerjaan	45
4.5 Jadual silang sebab penyalahgunaan dadah dengan umur	46
4.6 Jadual silang sebab penyalahgunaan dadah dengan etnik	47
4.7 Jadual silang sebab penyalahgunaan dadah dengan status perkahwinan	48
4.8 Jadual silang sebab penyalahgunaan dadah dengan jantina	49
4.9 Jadual silang sebab penyalahgunaan dadah dengan tahap pendidikan	50
4.10 Jadual silang sebab penyalahgunaan dadah dengan jenis pekerjaan	51
4.11 Ringkasan keputusan analisis	52
4.12 Korelasi antara sebab penyalahgunaan dadah dengan jantina	54
4.13 Korelasi antara sebab penyalahgunaan dadah dengan status perkahwinan	55
4.14 Korelasi antara sebab penyalahgunaan dadah dengan tahap pendidikan	56



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Halaman
4.1 Taburan para penagih di Kota Kinabalu mengikut umur	41
4.2 Taburan para penagih di Kota Kinabalu mengikut etnik	42
4.3 Taburan para penagih di Kota Kinabalu mengikut status perkahwinan	43



SENARAI SIMBOL

$\%$	Peratus
H_0	Hipotesis nol
H_1	Hipotesis alternatif
Σ	Perjumlahan
α	Alfa / Aras keertian
σ	Varians
k	Bilangan kelakuan atau kumpulan
dk	Darjah kebebasan
\leq	Lebih kecil atau sama dengan
\geq	Lebih besar atau sama dengan
=	Sama dengan
n	Saiz sampel
r	Pekali korelasi
$\sqrt{}$	Punca kuasa dua
\bar{x}	Min bagi x
\hat{y}	Nilai ramalan
R^2	Pekali penentu
<i>et al.</i>	Dan pengarang-pengarang lain
SSE	Perjumlahan kuasa dua antara perlakuan atau variasi antara kumpulan
SSW	Perjumlahan kuasa dua dalam perlakuan atau jumlah kuasa dua ralat
MSE	Min kuasa dua antara kumpulan
MSW	Min kuasa dua dalam kumpulan
SPSS	Pakej Statistik Untuk Sains Sosial
ADK	Agensi dadah kebangsaan
NADI	Sistem matlumat dadah kebangsaan



BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGKENALAN PENYALAHGUNAAN DADAH

Dewasa ini masalah penyalahgunaan dadah di Malaysia telah tiba di tahap serius dan dianggap sebagai ancaman utama negara. Ini mungkin kerana Malaysia terlalu dekat dengan kawasan Segi Tiga Emas iaitu kawasan terbesar di dunia yang mengeluarkan pelbagai jenis dadah. Pengedaran dadah, jenis candu, heroin dan ganja adalah dari kawasan Segi Tiga Emas masuk ke Malaysia melalui Thailand. Pengedaran dadah dari jenis sintetik seperti syabu pula adalah daripada negara Filipina, dan pil ekstasi dari negara-negara Eropah.

Di antara faktor-faktor yang meletakkan penyalahgunaan dadah sebagai ancaman utama negara ialah (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2005):

- i) jumlah penagih yang didaftar lebih kurang 200,000 orang
- ii) jumlah wang yang terlibat untuk pemulihan.
- iii) kos rawatan, perubatan, tenaga kerja yang hilang.
- iv) kesan dan kerugian dari segi ekonomi, sosial dan jenayah.



1.2 DEFINISI DADAH

Dadah menurut Kamus Dewan (2002) membawa istilah yang khusus yang diciptakan untuk memberi pengertian penyalahgunaan ubat-ubatan. Dadah ialah bahan kimia psikoaktif yang mempunyai ciri-ciri seperti mempunyai kesan yang paling ketara ke atas sistem saraf pusat (otak dan saraf tunjang) dan digunakan bukan untuk tujuan perubatan serta pada kebiasaanya diperolehi secara haram tanpa pengetahuan pihak berkuasa.

Manakala menurut Syed Mohsin (1977) ada berbagai – bagi pengertian mengenai istilah dadah. Beliau berpendapat bahawa dadah tidak semestinya membawa pengertian buruk tetapi ada juga dadah yang memberi kebaikan. Biasanya penyalahgunaan dadah itulah yang membawa kepada keburukan.

Menurut Webster (1969), dadah secara amnya didefinisikan sebagai satu istilah khas kepada sejenis bahan yang mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang dari segi jasmani (fizikal), rohani (mental dan emosi) serta tingkah-laku pengguna apabila digunakan.

Badan dunia iaitu World Health Organization (1969) pula memdefinisikan dadah secara amnya sebagai bahan kimia sama ada ianya dalam bentuk asli atau tiruan (*synthetic*) yang berupaya mengubah struktur fungsi-fungsi badan manusia (Sezali, 1980).

Berdasarkan definisi yang diberikan, penyalahgunaan dadah boleh membawa kepada pergantungan fizikal dan psikologikal serta meningkatkan daya tahan terhadap dadah dan mendorong kesan-kesan buruk dan bahaya ke atas kesihatan dan fungsi sosial. Misalnya, sedikit sahaja dadah *chloromazina* (sejenis dadah dalam kumpulan *tranquilliser*) digunakan, ia akan menghasilkan rasa mengantuk kerana tindakannya yang mengurangkan penggunaan aktiviti motor (Che Nin Man, 1995). Pada amnya, dadah sebagai ubat digunakan oleh doktor-doktor untuk merawat penyakit-penyakit, tetapi dadah adalah racun yang boleh menyebabkan penyakit dan penagihan atau maut.

Menurut Agensi Antidadah Kebangsaan (2005), dadah merupakan satu istilah khas kepada sejenis bahan yang mendorong kemudaratan kepada kesihatan seseorang dari segi jasmani (fizikal), rohani (mental dan emosi) serta tingkah-laku pengguna apabila digunakan. Akibat daripada kesan ini seseorang yang menggunakan dadah akan terus bergantung hidup kepada dadah tersebut dan menyebabkan ketagihan. Seseorang penagih sanggup menggadai maruah serta memperhambakan diri kepada sesiapa saja walau dalam apa juu keadaan asalkan bekalan dadahnya terjamin. Akibatnya ramai yang sanggup mengemis dan melacurkan diri.

1.3 AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) merupakan satu agensi utama yang bertanggungjawab menjalankan program rawatan dan pemulihan kepada penagih-penagih dadah di negara ini. Tanggungjawab merawatpulih penagih-penagih dadah adalah selaras

dengan peruntukan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 berasaskan kepada falsafah bahawa penagih-penagih dadah adalah pesakit yang memerlukan rawatan dan terapi pemulihan yang sepenuhnya.

Oleh yang demikian, AADK berpegang kepada dasar yang mewajibkan setiap individu yang telah dikenalpasti sebagai penagih dadah menjalani program rawatan dan pemulihan sehingga mereka bebas daripada pergantungan fizikal dan psikologikal terhadap dadah dan seterusnya mengintegrasikan semula mereka ke dalam masyarakat sebagai seorang insan yang insaf, berguna dan produktif kepada negara dan masyarakat.

Dari segi rawatan dan pemulihan, AADK melaksanakan dua kaedah rawatan dan pemulihan kepada penagih-penagih dadah iaitu pemulihan dalam institusi dan pemulihan dalam komuniti.

1.3.1 Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI)

Pada tahun 1988, Sistem NADI merupakan satu pangkalan data untuk menyimpan maklumat penagih yang dikesan beroperasi di Malaysia sepenuhnya. Selari dengan keputusan Dasar Dadah Negara yang telah diluluskan oleh Majlis Dadah Kebangsaan pada tahun 1996, maklumat-maklumat penagih tersebut dijadikan asas untuk merancang strategi pengawalan dan pencegahan dadah. Pada tahun 2003, aplikasi Sistem NADI telah dibangunkan semula kepada sistem berdasarkan persekitaran laman web yang lebih sistematik.

Selain dari AADK, pangkalan Sistem NADI mempunyai sumber data lain dengan menerima data melalui set borang yang telah disediakan daripada pelbagai agensi pelaksana seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Narkotik, Jabatan Penjara, Unit Ujian Urin Sempadan, Pusat Rawatan Swasta dan hospital-hospital diseluruh negara.

Objektif utama sistem ini ialah mengawasi perkembangan masalah dadah semasa dengan mengumpul maklumat dan data-data mengenai semua aspek masalah dadah untuk tujuan pembentukan dan perancangan program-program selanjutnya. Di samping itu, terdapat objektif terperinci mengikut sistem yang dibangunkan iaitu:

- i) Mengesan dan mengawas seseorang penagih seumur hayat.
- ii) Membangun epidemiologi dan profil penagih dadah.
- iii) Menilai keberkesanan program rawatan dan pemulihan dadah.
- iv) Menilai keberkesanan program pencegahan penagihan dadah.
- v) Membantu dalam perancangan program-program anti dadah.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Bagi membolehkan kajian ini sentiasa berada pada landasan yang betul, maka objektif dan matlamat kajian harus ada. Maka secara amnya, penyelidik menjalankan kajian ini adalah untuk mengetahui secara mendalam mengenai penyalahgunaan dadah. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Mengkaji hubungan yang wujud antara sebab-sebab penyalahgunaan dadah dengan pembolehubah sebab penyalahgunaan dadah dengan perbezaan jantina, status perkahwinan, umur, taraf pendidikan, etnik dan jenis pekerjaan.
- ii) Mengkaji darjah kekuatan perhubungan yang wujud antara sebab-sebab penyalahgunaan dadah dengan perbezaan jantina, status perkahwinan, umur, taraf pendidikan, etnik dan jenis pekerjaan.

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini adalah daripada rekod simpanan tentang penyalahgunaan dadah di Agensi Anti Dadah Kebangsaan Kota Kinabalu pada tahun 2006 sahaja. Kajian ini akan meneliti data mentah yang diperolehi daripada AADK Kota Kinabalu merangkumi dari segenap segi termasuklah sebab-sebab penyalahgunaan dadah, perbezaan jantina, umur ketika mula-mula mengambil dadah, status perkahwinan, tahap pendidikan, etnik dan jenis pekerjaan penagih.

BAB 2

ULASAN PERPUSTAKAAN

2.1 KAJIAN LAMPAU

Sebelum kajian ini dijalankan, ramai penyelidik-penyalidik telah mengkaji tentang penyalahgunaan dadah. Antaranya ialah Sezali (1980), Diala *et al.* (2004) dan banyak lagi. Hasil penulisan ilmiah mereka telah dijadikan sebagai rujukan dalam proses untuk menyiapkan penulisan disertasi ini.

2.1.1 Jenis-jenis Dadah

Menurut Sezali (1980), dadah boleh terdapat dalam bentuk debu, cecair dan pil. Dalam pengertian perubatan terdapat dua jenis dadah iaitu jenis dadah ringan dan jenis dadah berat. Dadah ringan adalah dadah yang diterima oleh kebanyakan ahli masyarakat dan dadah jenis ini biasanya mendatangkan kesan sampingan yang kurang membahayakan kesihatan badan manusia. Dadah jenis ini termasuklah kopi, rokok, tembakau, minuman keras, paracetamol dan sebagainya.



Manakala dadah jenis berat adalah jenis-jenis dadah yang dikategorikan oleh pihak berkuasa sebagai dadah yang merbahaya kerana penggunaannya akan mendatangkan kesan sampingan yang buruk jika tidak di bawah pengawasan doktor. Dadah-dadah jenis ini boleh dikumpulkan kepada lima kumpulan besar iaitu :

- i. *Tranquillisers* - seperti valium, largactil, Librium, sparine dan lain-lain.
- ii. *Hypnotics* – seperti barbiturates, mandrax, mogaden dan sebagainya.
- iii. *Stimulants* – seperti amphetamines, fexedrines, caffeine dan lain-lain.
- iv. *Analgesica* – seperti candu, morphin (biasanya disuntik) dan karwin.
- v. *Hallucinogens* – seperti ganja, cocaine, diethylanride (LSD) dan lain-lain.

Menurut Sezali (1981) lagi, terdapat berbagai-bagai jenis dadah. Antara dadah berbahaya dan terkenal di kalangan penagih dadah ialah seperti heroin, candu, morfin dan banyak lagi. Berikut adalah maklumat beberapa jenis dadah yang sering menjadi tumpuan penagih dadah :

i. Heroin

Heroin berbentuk tepung dan warnanya putih atau kekuningan dan diproses daripada morfin. Ada dua gred heroin yang didapati di Malaysia iaitu Heroin gred 3 berwarna perang dan merupakan gred yang paling rendah. Heroin gred 4 berwarna putih dan merupakan heroin yang lebih tulen.

ii. Morfin

Morfin terdapat dalam bentuk tepung atau ketul yang berwarna perang. Morfin diproses dari candu. Morfin berbentuk batu bata selalunya dijadikan serbuk atau larutan digunakan secara suntikan ke saluran darah (*mainlining*).

iii. Cannabis (ganja)

Cannabis atau ganja ialah sejenis tumbuhan yang daunnya bila kering seakan-akan tembakau. Cannabis lebih dikenali sebagai ganja. Daun ganja yang digulung atas lidi dipanggil ‘Buddha Sticks’ atau ‘satay-sticks’.

iv. Candu

Candu adalah sejenis dadah yang paling awal digunakan di Malaysia, iaitu sebelum morfin atau heroin. Sumber pembekalannya datang dari negeri di utara Malaysia atau dikenali sebagai Segi Tiga Emas.

v. Bahan-bahan Psikotropik

Di samping narkotik dadah seperti yang tersebut di atas, *amphetamne* dan *mandrax (mx)* juga ada digunakan.

2.1.2 Kesan-kesan Penyalahgunaan Dadah

Menurut Yee Chew Sear (2000), kesan ketagihan dari segi fizikal, penagih dadah biasanya kelihatan kurus, pucat dan letih kerana kekurangan zat makanan akibat hilang selera makan. Gerakan penagih juga terganggu kerana kecergasan dan kordinasi otot berkurangan.

Dari segi mental, ketagihan dadah menganggu fungsi otot. Seorang penagih akan mengalami kemerosotan dalam pemikiran, ingatan dan pertimbangan. Mereka tidak dapat menaakul, berfikir secara rasional dan logik serta sukar menumpukan perhatian kepada sesuatu perkara.

Dari segi fisiologi, pergantungan berlaku apabila dadah yang diambil menjadikan penagih bergantung kepadanya sehingga tidak berupaya berhenti mengambilnya. Badan penagih dadah biasanya meningkatkan daya tahan terhadap dadah yang diambilnya. Oleh itu, dos yang lebih tinggi sentiasa perlu diambil oleh penagih untuk menghasilkan kesan atau keseronokkan yang sama seperti mula-mula mengambil dadah. Gejala-gejala pengunduran ialah gangguan psikologi dan fizik ke atas penagih. Keadaan seperti perasaan takut, muram, mengantuk, dan seram sejuk mungkin dialami. Manakala gejala-gejala yang di alami oleh penagih dari segi tanda fizikal seperti muntah-muntah, cirit-birit dan berpeluh yang berlebihan.

Dari segi psikologi, dadah menyebabkan penagih berubah sikap daripada positif kepada negatif. Penagih boleh berubah menjadi seorang yang pasif, tidak bermotivasi, hilang minat dalam kehidupannya dan tidak yakin terhadap diri sendiri.

Dari segi sosial, penagih dadah biasanya mengasingkan diri daripada masyarakat umum dan mengabaikan keluarga. Penagih dadah juga melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan jenayah untuk membiayai kos membeli dadah. Golongan penagih dadah merupakan golongan yang berisiko tinggi untuk menghidap penyakit Aids melalui berkongsi jarum. Penyakit ini cepat merebak dengan penyalahgunaan dadah.

RUJUKAN

- Abdul Hadi Yaakub, 1995. Analisis Data Berkategori Terkelas Silang. Terjemahan. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Agensi Antidadah Kebangsaan, 2005. Statistik Dadah 2005. <http://www.adk.gov.my>
- Camacho, A., Matthews, S.C., Murray, B. dan Dimsdale, J.E., 2005. Use of GHB Compound Among College Students. *American Journal of Drug and Alcohol Abuse* **55**, 123-125 .
- Che Nin Man, 1995. *Alam Sekitar, Ketidaksuburan Ibubapa dan Kecacatan Bayi (Bhg. 2)*. Pusat Racun Negara, Universiti Sains Malaysia.
- Coakes, Sheridan J. dan Steed, Lydall G., 2003. *SPSS : Analysis without Anguish*, New Jersey.
- Croll, J., Neumark-Sztainer, D., Story, M. dan Ireland M., 2002. Prevalence and Risk and Protective Factors Related to Disordered Eating Behaviors Among Adolescents: Relationship to Gender and Ethnicity. *J. Adolescent Health* **31**, 166-175.
- Diala, C.C., Muntaner, C. dan Walrath, C., 2004. Gender, Occupation and Socioeconomic Correlates of Alcohol and Drug Abuse Among U.S Rural, Metropolitan and Urban Residents. *American Journal of Drug and Alcohol Abuse* **32**, 33-36.
- Dawkins, M.P., 1996. The Social Context of Substance Use Among African American Youth : Rural, Urban and Suburban Comparison. *J. Alcohol Drug Educ* **78**, 122-130.

- Elder, Jr. G. H., 1974. Children of the Great Depression: Social Change in Life Experience. University of Chicago, Chicago.
- Freese, T. E., Miotto, K. A. dan Reback, C. J., 2002. The Effects and Consequences of Selected Club Drugs. *J. Subst Abuse Treat* **23**, 151-156.
- Hunt, M.E., 1997. A Comparison of Family of Origin Factors Between Children of Drug Addict and Children of Non-drug Addict in a Longitudinal Panel. *American Journal of Drug and Alcohol Abuse* **23**, 56-59.
- Ishak Shari dan Ahmad Mohd. Yusof, 1997. *Pengantar Statistik Ekonomi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Johnson, R. A. dan Wichern, D.W., 1992. *Applied Multivariate Statistical Analysis*. Ed ke-3, Prentice Hall, New Jersey.
- Kamus Dewan, 2002. Ed. ke-3. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kementerian Kesihatan Malaysia, 1996. *Remaja dan AIDS : Media, Nilai Personaliti dan Tingkahlaku*.
- Kiess, H. O., 2002. *Statistical Concepts for the Behavioral Sciences*. Ed. ke-3. Allyn and Bacon, Boston.
- Mansfield, E., 1986. *Basic Statistics With Applications*. W.W. Norton, New York.
- Mokhtar Abdullah, 1994. *Analisis Regresi*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

- Nelson, R. P., Brown, J. M., Brown, W. D. Dan Koops, B. L., 2001. Improving substance abuse prevention, assessment, and treatment financing for children and adolescents. *Journal of Pediatrics*. **108** (4), 1025-1029.
- Nieri, T., Kulis, S., Keith, V. M. dan Hurdle, D., 2005. Body image, acculturation and substance abuse among boys and girls in the Southwest. *J. Subs Abuse Treat* **33**, 211-215.
- Reed, P.L., 2006. Job Strain Tied to Higher Risk of Drug Abuse. *American Journal of Epidemiology* **65**, 114-119.
- Rosen, M. I., Pearsall, H. R., Woods, S. W. dan Kosten, T. R., 1997. Effects of Gamma Hydroxybutric Acid (GHB) in Opioid Dependent Patients. *J. Subs Abuse Treat* **14**, 149-154.
- Sezali Din, 1980. Perubatan Traditional. *Jurnal Kebajikan Masyarakat* **5**, 20.
- Sezali Din, 1981. *Garis panduan Penceramah Mengenai Penggunaan Dadah untuk Pekerja*. Jawatan Penerangan, PEMADAM Kebangsaan, Kuala Lumpur.
- Shafinaz Sheikh Maznan, 2005. Ekstasi Memasak Otak. *Mingguan Malaysia*, 5 Mac, 25.
- Syed Mohsin Syed Sahil, 1997. Istilah Dadah. *Jurnal Pendidikan* **20**, 14.
- Spiegel, M. R., 1992. *Theory and Problems of Statistics*. McGraw-Hill, New York.
- Sprinthall, R. C., 2003. *Basic Statistical Analysis*. Ed. ke-7. Allyn & Bacon, Boston.
- Thorne, B. M. dan Giesen, J. M., 2003. *Statistics For The Behavioral Sciences*. Ed. ke-4. McGraw-Hill, New York.

- Weiss, N. A., 1995. *Introductory Statistics*. Wesley Publishing., New York.
- Wolin, S. J., Bennett, L. A., Noonan, D. L. and Teitlebaum, M. A., 1980. Disrupted family rituals: A factor in the intergenerational transmission of alcoholism, *J. Stud. Alcohol* 41: 199-214.
- Yee Chew Sear, 2000. *Perubatan Tradisional Dalam Pemulihian Dadah*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Output A.1 Kewujudan maklumat dalam maklumat

Pelaksanaan Ciri-Ciri	Hasil
Lebih tinggi pada pasien dengan koma	16.2%
Lebih tinggi pada pasien dengan infeksi	14.6%
Lebih tinggi pada pasien dengan infark	13.8%
Lebih tinggi pada pasien dengan hipertensi	13.8%

